

66 – Nabi membalas dendam?

- (An Nahl: 126) وَإِنْ عَاقَبْتُمْ فَعَاقِبُوا بِمِثْلِ مَا عُوقِبْتُمْ بِهِ وَلَئِنْ صَبَرْتُمْ لَهُوَ خَيْرٌ لِّلصَّابِرِينَ
- Ayat ini diturunkan selepas Perang Uhud pada tahun kedua hijrah dimana Hamzah syahid padanya.
- Harus bagi orang Islam untuk membalas setimpal penganiayaan dan kezaliman yang dilakukan terhadap mereka, cuma yang lebih elok ialah bersabar dan memaafkan.

Soalan

- Didalam kitab-kitab tafsir ada di sebutkan, ketika Perang Uhud, mayat Hamzah telah dicatatkan. Lalu Nabi bersumpah untuk mencatatkan mayat 70 orang Kafir sebagai balasan.
- Apakah balas dendam boleh mengekalkan keamanan dan mententeramkan jiwa?
- Alangkah jauhnya beza antara Nabi Muhammad dan Nabi Isa, dimana baginda pernah berkata, kalau saudaramu melakukan kesilapan tujuh puluh kali, tujuh kali, maafkanlah dia.

Jawapan

- ✓ Kisah Nabi ingin membalas 70 kali perbuatan orang Kafir adalah berdasarkan Riwayat-Riwayat yang tidak soheh.
- ✓ Apa yang jelas berlaku, selepas pembukaan Makkah dan orang Islam berkuasa, tiada seorang pun orang Kafir yang di cacatkan oleh Nabi sehinggakan Wahsyi, pembunuh utama Hamzah pun dibiarkan pergi dengan caranya.

67 – Persediaan menghadapi musuh

- وَأَعِدُّوا لَهُمْ مَا اسْتَطَعْتُمْ مِنْ قُوَّةٍ (Al Anfaal: 60). hingga firmanNya وَأَنْتُمْ لَا تُظْلَمُونَ
- Allah memerintahkan orang-orang Islam bersedia dan menyediakan senjata semampu mungkin untuk berhadapan dengan musuh-musuh Allah.

Soalan

- Kenapa Al Quran memerintahkan umatnya mengangkat senjata dan berperang?
- Peperangan sama sekali tidak menguntungkan mana-mana pihak. Ia membawa kepada kehilangan jiwa, kerosakan harta benda dan kehancuran.

Jawapan

- ✓ Orang Kafir tidak mahu umat Islam mengangkat senjata, sedangkan mereka memerangnya, merampas negara dan harta bendanya.
- ✓ Orang Kafir mahu umat Islam menyambut permusuhan mereka dengan salam, membiarkan musuh membunuh sewenang-wenang, Al Quran itu kitab kasih sayang yang memerintahkan umatnya membuka tangan dan hati kepada musuh.
- ✓ Mana-mana umat hatta binatang sekalipun akan bersedia untuk mempertahankan diri dan menyerang musuh mereka apabila terancam.

68 – Larangan bergaul dengan orang Kafir

- يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَتَّخِذُوا الْيَهُودَ وَالنَّصَارَىٰ أَوْلِيَاءَ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ وَمَنْ يَتَوَلَّهُمْ مِنْكُمْ فَإِنَّهُ مِنْهُمْ إِنَّ اللَّهَ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الظَّالِمِينَ (Al Maaidah: 51)
- Al Quran melarang orang-orang Mu'min bergaul dengan orang Kafir dari kalangan Yahudi dan Kristian.

Soalan

- Apakah hasil daripada larangan Al Quran ini? Alangkah ruginya sebuah masyarakat yang berpecah belah kerana berpunca daripada agama.
- Berapa banyak kepentingan-kepentingan didalam masyarakat yang terabai disebabkan nasihat Al Quran ini.
- Berpegang kepada ayat ini tiada lain hanyalah memutuskan tali persaudaraan dan merugikan umat Islam itu sendiri.

Jawapan

- ✓ Ada pergaulan dengan orang Kafir yang dibenarkan dan ada juga yang dilarang.
- ✓ Pergaulan yang diharamkan, ialah kita memuja, menjadikan sebagai contoh, mengangkat sebagai ketua dan bersikap mesra dengan mereka walaupun mereka memusuhi orang-orang Islam dan inginkan kehancuran dan kesesatan orang-orang Islam.
- ✓ Pergaulan yang dibolehkan pula ialah sebagaimana firmanNya لَا فَأُولَئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ (Al Mumtahanah: 8&9) يَنْهَاهُمْ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ لَمْ يُقَاتِلُوكُمْ فِي الدِّينِ

69 – Larangan meminta bantuan orang Kafir

- وَلَا تَتَّخِذُوا مِنْهُمْ وِلِيًّا وَلَا نَصِيرًا hingga firmanNya وَدُّوا لَوْ تَكْفُرُونَ كَمَا كَفَرُوا (An Nisaa': 89)
- Allah melarang orang-orang Islam daripada mengambil orang Kafir yang memusuhi Islam sebagai penolong dan pembantu.

Soalan

- Ayat ini bercanggah dengan sejarah dan realiti umat Islam yang sentiasa meminta bantuan orang Kafir.
- Keperluan negara, politik, masyarakat dan ketenteraan memerlukan kita saling membantu.

Jawapan

- ✓ Islam menegah umatnya menjadikan orang Kafir sebagai teman rapat dan penolong, kalau mereka memerangi Islam.
- ✓ Ada sahaja dalam sejarah dan realiti, umat Islam meminta bantuan Kristian yang memusuhi Islam. Ada juga yang berpakat dengan musuh memerangi saudara Islam seagama. Al Quran berlepas diri daripada mereka.
- ✓ Segala urusan umat Islam yang menyalahi ajaran Islam, tidak mewakili pandangan Al Quran.

70 – Umat Islam sentiasa berpecah?

- وَاعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا وَاذْكُرُوا نِعْمَتَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ كُنْتُمْ أَعْدَاءً فَأَلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِكُمْ فَأَصْبَحْتُمْ بِنِعْمَتِهِ إِخْوَانًا (Ali 'Imraan: 103)
- Ayat ini memerintahkan umat Islam berpegang dengan 'tali' Allah dan melarang daripada berpecah belah.

Soalan

- Ia tidak tepat kerana realitinya orang Islam sentiasa berpecah-belah, berperang dan berbunuhan sesama sendiri bermula daripada zaman awal khalifah Islam hingga sekarang.

Jawapan

- ✓ Perpecahan umat Islam berlaku kerana ada golongan ketiga yang menjadi batu api, atau kerana umat Islam tidak berpegang dengan 'tali Allah' (Al Quran dan Sunnah).
- ✓ Selagi umat Islam berpegang dengan agama Islam (Al Quran dan Sunnah) mereka tidak akan berpecah.
- ✓ Ia juga tidak menafikan bahawa umat Islam akan berpecah. Sebaliknya ia adalah tegahan atau larangan daripada berpecah-belah.
- ✓ Perpecahan dan pembunuhan tetap akan terjadi selagi mana terdapat sebab-sebab utama sebagaimana yang telah disebutkan di atas dan selagi ada manusia di bumi ini. وَلَوْ شَاءَ رَبُّكَ لَجَعَلَ النَّاسَ أُمَّةً وَاحِدَةً وَلَا يَزَالُونَ (118) مُخْتَلِفِينَ (Hud: 118&119) إِلَّا مَنْ رَحِمَ رَبُّكَ وَلِذَلِكَ خَلَقَهُمْ